



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MALAYSIAN STEM CELL REGISTRY (MSCR):
MEMPERKUKUH SISTEM PENDERMAAN DAN PEMINDAHAN SEL
STEM DARAH NEGARA

Shah Alam, 30 Oktober 2025 - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) meraikan ulang tahun ke-25 penubuhan Malaysian Stem Cell Registry (MSCR). MSCR sejak mula beroperasi telah **berjaya mendaftarkan lebih 45,000 penderma sukarela** daripada pelbagai latar belakang etnik di seluruh negara. Melalui pangkalan data ini, **sebanyak 22 pemindahan sel stem darah berjaya dilaksanakan menggunakan penderma bukan keluarga (*Matched Unrelated Donor, MUD*)**, sekaligus memberi peluang kedua kepada pesakit yang tidak mempunyai penderma sepadan dalam kalangan keluarga.

Sambutan Jubli Perak ini merupakan **pengiktirafan** terhadap sumbangan besar MSCR dalam memperkukuh sistem pendermaan dan pemindahan sel stem darah dalam negara. Sambutan kali ini diadakan di Auditorium Perdana, Institut Kesihatan Negara (NIH) dan dimeriahkan dengan kehadiran YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Menteri Kesihatan sendiri.

Sambutan ini juga sebagai tanda **menghargai legasi dan pencapaian MSCR sejak ditubuhkan pada tahun 2000** melalui kerjasama strategik di antara **KKM, khususnya IMR** dengan **Majlis kanser Nasional (MAKNA)**.

Menurut statistik, hanya **sekitar 25 hingga 30 peratus pesakit** yang memerlukan pemindahan sel stem darah berjaya **mendapatkan penderma serasi dalam kalangan ahli keluarga**. Bagi **70 peratus pesakit lain**, harapan bergantung kepada **pangkalan data penderma awam seperti MSCR**. Namun begitu, kadar pepadanan penderma dalam kalangan bukan keluarga masih amat rendah, dengan **hanya 0.05 peratus pepadanan berjaya direkodkan untuk tujuan pemindahan setakat ini**.

Sambutan ulang tahun ke-25 MSCR menjadi titik tolak kepada usaha berterusan KKM untuk memperkukuh dasar pendermaan sel stem darah di Malaysia. KKM menyeru masyarakat untuk bersama menyokong dan mendukung usaha murni ini dengan mendaftar sebagai penderma sel stem darah kerana “satu tindakan yang kecil mampu memberi peluang kedua kepada pesakit yang menanti sinar kehidupan”. Ini sejajar dengan nilai MADANI - *Kesejahteraan dan Ihsan*.

-TAMAT-

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia**

